

14 NOV 1999

Abdullah-Ekonomi

MALAYSIA PULIH TANPA MENGGADAI MARUAH, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 14 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membidas pihak asing dan ahli politik pembangkang yang mendakwa pemulihan ekonomi Malaysia adalah lewat berbanding negara-negara yang menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata pengkritik dan ahli politik berkenaan enggan mengakui hakikat bahawa Malaysia pulih tanpa menggadaikan maruahnyanya.

"Kita tidak mengalami masalah sosial atau pergolakan seperti mana yang kita lihat di negara-negara lain. Malahan, tidak seperti negara yang berhutang dengan IMF, kita tidak membebankan generasi akan datang kita dengan pertambahan hutang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada para wartawan selepas menghadiri mesyuarat Barisan Nasional (BN) di Menara Umno, di sini, hari ini.

Abdullah berkata dasar kawalan modal terpilih serta langkah dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menghasilkan pemulihan pesat "berbentuk V" dalam ekonomi Malaysia "tanpa kesan sosial dan hutang yang membebankan."

"Kita gembira melihat negara-negara jiran dan negara Asia lain semakin pulih. Pemulihan mereka juga akan membantu kita kerana ia akan membawa kestabilan dan kemakmuran ke rantau ini.

"Tetapi para pengkritik ini lupa bahawa pemulihan di negara-negara berkenaan dicapai dengan kos sosial yang tinggi. Terdapat banyak pengangguran, tahap kemiskinan meningkat antara 12 dan 20 peratus, terdapat pertumpahan darah di jalanan, dan yang paling buruk sekali ialah, mereka kehilangan sedikit kedaulatan mereka kerana setiap dasar mereka adalah ditentukan oleh IMF," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata Malaysia pulih tanpa kesengsaraan yang dialami negara-negara lain -- inflasi dapat dibendung dan harga barangan keperluan tidak meningkat.

"Dasar dan kepimpinan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memastikan bahawa kita tidak perlu mencium kaki pihak asing atau IMF. Kita kekalkan kedaulatan kita dan tidak perlu "sembah" kepada IMF. Apa yang sangat penting ialah rakyat kita tidak sengsara seperti rakyat di negara-negara lain," katanya.

Abdullah berkata kawalan tukaran negara dan dana telah menyebabkan para spekulator panik dan terkejut dengan langkah itu yang dilaksanakan pada 1 Sept tahun lepas.

Beliau berkata di negara-negara lain yang terjejas akibat krisis kewangan itu, tahap kemiskinan telah meningkat antara 12 dan 20 peratus tetapi di Malaysia, ia meningkat hanya 0.9 peratus.

"Rakyat kita juga mengalami waktu yang sukar tetapi keperitan mereka dapat dibendung oleh pengurusan negara mantap dan berkesan. Hari ini, kita kembali pulih sepenuhnya. Dan ia perlu diperakukan," kata Abdullah.

Beliau berkata kerajaan BN adalah "sebuah kerajaan yang memandang ke depan" dengan ia memandang dan merancang bagi masa depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata cara kerajaan menangani krisis ekonomi negara merupakan petunjuk bagaimana ia telah berjaya mengekalkan kedaulatan negara walaupun mengalami tekanan dalaman dan luaran.

Sambil mengambil contoh pengganasan komunis, konfrantasi, rusuhan 13 Mei dan kegawatan ekonomi, Abdulah berkata kerajaan dapat mengatasi semua masalah itu dengan jayanya.

"Kita dapat mengatasi semua masalah ini. Dalam kita bersedia memasuki alaf baru, kita sudah pun menempatkan dasar dan program futuristik seperti Koridor Raya Multimedia (MSC), Cyberjaya dan institusi-institusi pengajian tinggi baru untuk melengkapkan penduduk kita dengan cabaran-cabaran baru," katanya.

-- BERNAMA

SA NAK